

Masalah Praktik “Parataksis” dalam Leksikografi The Problematic of Practise of “Parataxis” in Lexicography

NORATI BAKAR

ABSTRAK

Leksikografi merupakan bidang linguistik terapan yang mencakupi metode dan teknik penyusunan kamus dan bahan rujukan sejenisnya. Seiring dengan pernyataan tersebut, para sarjana menyatakan bahawa leksikografi sangat sinonim dengan pertemuan pelbagai bidang ilmu, yakni ilmu linguistik dan ekstra linguistik. Praktik pelbagai disiplin ilmu ini dikesan penyebarannya dalam kedua-dua struktur kamus, sama ada dalam struktur makronya (jajaran lema dan sublema), mahupun struktur mikro sesebuah kamus (reka bentuk dalaman yang menyediakan maklumat lengkap tentang kata entri berserta komen bentuk dan komen semantik atau komen makna). Antara aspek tersebut ialah “parataksis”, iaitu hubungan antara dua kalimat klausa, frasa, atau lebih yang mempunyai tataran yang sama, begitu juga kondisi antara klausa-klausa; paraktaksis juga merujuk kepada gabungan kalimat dengan kalimat, klausa dengan klausa, frasa dengan frasa, atau kata dengan kata, tanpa penghubung. Sehubungan dengan penanganan kedua-dua struktur tersebut, kertas kerja ini memfokuskan penelitian mengenai praktik “parataksis” dalam leksikografi Melayu, khususnya dalam pemerian entri termasuk penanganan morfologi, dan sebagainya. Dengan yang demikian, penelitian ini akan menyoroti unsur-unsur parataksis sebagai antara elemen penting dalam “Kamus Bahasa Melayu Brunei (KBMB), Kamus Bahasa Melayu Nusantara (KBMN), Kamus Dewan edisi keempat (KD4), dan Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (KBBMU)” sebagai kamus-kamus yang mewakili dunia Melayu. Sesuai dengan permasalahan kajian yang dinyatakan, objektif kajian ini adalah menyebarkan maklumat parataksis dalam praktik leksikografi, sebagai maklumat penting dalam leksikografi, kepada pengguna. Selanjutnya, kajian ini mencadangkan perbaikan bagi tanda baca parataksis yang tidak konsisten dalam kamus-kamus yang dikaji. Penelitian ini merupakan kritikan kamus yang dilakukan melalui metode deskriptif kualitatif, dengan tujuan memberi penjelasan dalam penelitian secara apa adanya melalui tiga tahap, iaitu pengumpulan data, analisis data, dan penyajian analisis data. Kajian ini dihasratkan ada manfaatnya bagi menegakkan penanganan elemen parataksis dalam leksikografi Melayu.

Kata kunci: Struktur makro; struktur mikro; lema, morfologi; dan paraktaksis

ABSTRACT

Lexicography is a field of applied linguistics that accounts for the methods and techniques for the preparation of dictionaries and reference materials of those sorts. Along with the statement of scholars that lexicography is synonymous with a meeting place between linguistics and extra-linguistics, the width of the practices of various disciplines can be detected in the both structures of a dictionary, i.e. the macro structure (entry and sublemma lines) and the microstructure of a dictionary (inner design that provides complete information on the entry words along with the comments of the forms and the meanings). “Parataxis” is one of these aspects, i.e. the relation between more than one sentence, clause, or phrase that has the same level. Speaking of the condition of clauses; “parataxis” refers to the combination of sentences, clauses, phrases, or words without any conjunction, i.e. asyndeton. In the handling of these structures, this paper aims to disseminate information of the parataxis in lexicography to the users, with a focus on practice of “parataxis” in Malay lexicography, especially in the descriptions of entry words including the handling of its morphology. As such, this study will highlight the elements of parataxis as an important element in the following dictionaries representing the Malay world: Kamus Bahasa Melayu Brunei (KBMB), Kamus Bahasa Melayu Nusantara (KBMN), Kamus Dewan edisi keempat (KD4), and Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (KBBMU). This study also suggests some improvements for the usage of parataxis punctuation that is inconsistent in the dictionaries studied. By this is meant a criticism onto the dictionaries available, through a descriptive qualitative method, through three steps, namely data collection, data analysis, and presentation of the data analysis.

Keywords: Entry word; macro structure; micro structure; morphology; parataxis

PENGENALAN

Kamus merupakan sarana kodifikasi bahasa yang sinonim dengan bidang leksikografi, iaitu cabang linguistik terapan. Garapan bidang ini mencakupi teknik dan metodologi penyusunan. Menurut Svensen Bo (2009) bahawa leksikografi merupakan cabang linguistik terapan yang mencakupi pemerhatian, pengumpulan data, pemilihan data, dan membuat pemerian unitnya. Justeru itu, menurut (Ibrahim 2005) bahawa leksikografi juga mencakupi perkembangan dan deskripsi teori dan kaedah yang menjadi dasar kegiatan penyusunan kamus.

Dalam konteks ini, para sarjana menyatakan bahawa leksikografi merupakan pertemuan pelbagai bidang ilmu, yakni ilmu linguistik dan ekstra linguistik. Praktik pelbagai disiplin ilmu ini dikesan penyebarannya dalam kedua-dua struktur kamus, sama ada dalam struktur makronya (jajaran lema dan sublema), mahupun struktur mikro sesebuah kamus (reka bentuk dalaman yang menyediakan maklumat lengkap tentang kata entri berserta komen bentuk dan komen semantik atau komen makna). Antara aspek tersebut ialah “parataksis”.

Sehubungan dengan ini, kajian ini merupakan kajian deskriptif hasil pencerakinan penerapan parataksis dan tanda baca pemisah unsur tersebut dalam tiga buah kamus Melayu *Kamus Bahasa Melayu Brunei* (KBMB), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (KBMN), *Kamus Dewan edisi keempat* (KD4), and *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (KBBMU)..

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sebagai sarana kodifikasi bahasa, kamus berpotensi meningkatkan keefisienan penyebaran sistem suatu bahasa. Menurut (Awang Sariyan 2004), sistem sesuatu bahasa ditandai oleh beberapa subsistem, iaitu *pertama*, sistem ejaan (beroperasi hanya dalam ragam tulisan); *kedua*, sebutan (ragam lisan); *ketiga*, peristilahan (dalam konteks bidang tertentu); *keempat*, tata bahasa merupakan acuan berbahasa (sendi dan tonggakanya); *lima*, kosa kata umum; dan *keenam*, laras bahasa (manifestasi ragam-ragam bahasa). Dalam konteks leksikografi, sistem bahasa merupakan tunjang kepada penjanaan struktur mikro kamus yang terserlah dalam komen bentuk (morfologi) dan komen semantik atau komen makna (keterangan leksikal). Unsur-unsur sistem bahasa, seperti nahu termasuk tanda baca yang digunakan

dalam pemerian makna merupakan metabahasa dalam persembahan makna dan disifatkan sebagai penting dan utama (Newell 1995). Makalah ini akan membincangkan praktik parataksis dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (KBMN), *Kamus Dewan Edisi keempat* (KD4), *Kamus Bahasa Melayu Brunei*, dan *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (KBBMU), iaitu sebagai kamus-kamus yang mewakili dunia Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Seperti yang dinyatakan bahawa kamus merupakan wadah pertemuan pelbagai bidang ilmu. Dengan yang demikian kamus bukan sekadar menyaji makna, bahkan pengguna dapat mempelajari praktik kosa kata, istilah (dalam ayat yang gramatis), termasuk fungsi tanda baca. Antaranya praktik tanda baca pemisah parataksis kerana belum ada buku khas, seperti pedoman. Untuk menangani aspek ini, ahli leksikografi bukan sahaja berusaha menyajikan makna kata, bahkan tugas berat penyusun ialah mendiagnosis unsur-unsur linguistik dan menstruktur maklumat tersebut menjadi sebuah kamus yang autoritatif. Antara tugas berat itu ialah pemerian makna pada tahap polisemi dan homonim, dan yang tidak kurang sukarnya ialah penyusunan morfologi. Jawapan kepada masalah ini ialah dengan mempraktikkan parataksis. Penerapan parataksis dalam leksikografi Melayu berfungsi sebagai metabahasa dalam penstrukturan suatu entri, iaitu dalam penghuraian makna polisemi sebagai bentuk yang mandiri secara gramatis. Begitu juga penstrukturan morfologi berdasarkan makna yang didukungnya dan proses bentukannya. Sementara penyajian lebih daripada satu contoh penggunaan kata pula merupakan fakta penting bagi setiap makna berdasarkan kolokasinya.

Sehubungan dengan penstrukturan makna polisemi dan penstrukturan morfologi tersebut, pentingnya fungsi tanda baca sebagai pemisah setiap bentukan tersebut. Walau bagaimanapun penggunaan tanda baca pemisah parataksis ini dikesan tidak konsisten oleh tiga buah kamus (KBMN, KD4, dan KBMB) menggunakan (;) sebagai penanda jaringan polisemi, sementara KBUMB menggunakan tanda baca titik (.). Dengan yang demikian makalah ini akan mendeskripsikan bagaimana praktik parataksis dalam kamus-kamus yang disebutkan.

OBJEKTIF KAJIAN

Selaras dengan pernyataan permasalahan kajian, penelitian awal ini menyasarkan objektif yang berikut: pertama mencerakin unsur-unsur parataksis dalam leksikografi Melayu; kedua menghebahkan maklumat kamus (khususnya unsur parataksis) kepada pengguna; dan ketiga mencadangkan pembaikan metode penyajian tanda baca parataksis yang tidak selaras dalam leksikografi Melayu.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian adalah sebagai sumbangan kepada kosa ilmu leksikografi, iaitu mencerakin penerapan unsur parataksis dalam penanganan pemerian makna. Kajian ini juga penting untuk mengembangkan penyelidikan kritikan kamus Melayu atau leksikografi Melayu. Bagi tujuan keselarasan sehubungan dengan penerbitan kamus Melayu secara meluas. Oleh sebab kamus merupakan antara rujukan utama para guru, pelajar, dan pengkaji bahasa maka keselarasan penerapan elemen-elemen tatabahasa amat penting.

DEFINISI ISTILAH


Bagi menjelaskan maksud penelitian ini, yang berikut dipaparkan istilah-istilah yang relevan dengan makalah ini:

i. Struktur Mega Kamus (Struktur Makro dan Struktur Mikro)

Untuk memahami struktur sesebuah kamus, memahami struktur mega kamus yang mencakupi struktur makro dan struktur mikronya adalah penting. Dalam hal ini, Hartmann (1998:91) menggambarkan struktur makro (*macrostructure*) sesebuah kamus sebagai “*the overall list structure which allows the compiler and the user to locate information in a REFERENCE WORK...*”.

Menurut beliau lagi, kontras kepada struktur makro pula ialah “*the internal design of a REFERENCE UNIT. In contrast to the overall word-list (MACROSTRUCTURE).*” Seterusnya Hartmann menjelaskan yang struktur mikro kamus itu sebagai “*the microstructure provides detailed information about the HEADWORD, with comments on its formal and semantic properties (spelling, pronunciation, grammar, definition, usage, etymology).*”

Bagi menggambarkan struktur di atas, yang berikut merupakan rajah struktur mega kamus yang mencakupi kedua-dua struktur:




RAJAH 2.1. Struktur Mega – Mikro dan Struktur Makro

Sumber: Hartmann 2001:59-60

Secara ringkasnya, struktur mega sesebuah kamus terdiri daripada: pertama, *outside matter*, iaitu ruang yang memuat judul penuh kamus; kedua, bahan awalan (*front matter*), iaitu ruang judul kamus, prakata, panduan penggunaan kamus, dan sebagainya; ketiga, bahagian yang paling mendasar, iaitu bahan tengah (*middle matter*) yang mengandungi struktur makro sesebuah kamus, termasuk inventori kata masukkan yang tidak terhad dalam kamus (entri 1...entri n); dan keempat, bahan belakang (*back matter*) merupakan ruang yang biasanya memuat bibliografi, dan sebagainya. Sementara itu, struktur mikro kamus ialah maklumat mengenai kata masukkan yang mencakupi sebutan, keterangan yang berupa huraian, contoh pemakaian, frasa atau peribahasa yang berkaitan dengan kata masukkan (lema).

Struktur mikro sesebuah kamus itu berperanan sebagai dasar struktur yang mencakupi teras bahagian kiri (*left core formal comment*) dan teras kanan yang mencakupi komen semantik (*semantic comment*) dan contoh penggunaan kata, seperti paparan yang berikut:



RAJAH 2.2. Entri

Rajah 2.2 memaparkan pertalian antara struktur komen formal (*formal comment*) dan komen semantik (*semantic comment*) dengan entri pokok (struktur makro) dan struktur mikro kamus. Menurut Hartmann (2001), komen formal sebagai “*the part of the **base structure** of a dictionary entry which specifies the formal features of the headword, eg spelling, grammar, and pronunciation.*” Menurut Hartmann lagi bahawa komen semantik (*semantic comment*) ialah “*The part of the base structure of a dictionary entry which explains the meaning of the headword, eg definition, etymology and usage.*”

Dalam konteks perkamusan Melayu, secara ringkasnya struktur entri sesebuah kamus terjana daripada kata atau frasa berserta lafaz atau sebutan, dan jajaran morfologi yang tercakup di teras kiri (*left core; formal comment*) dalam kamus berserta penjelasan maknanya, iaitu komen semantik (parafrasa makna) di teras kanan (*right core; semantic comment*) dengan tambahan penjelasan berupa kelas kata, etimologi, contoh pemakaian, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, KD4 (2005) mentafsirkan kata entri sebagai kata atau ungkapan utama yang disusun dalam kamus, disertai takrif dan maklumat lain, seperti kelas kata, etimologi, dan sebagainya (maklumat semantik dan pragmatik dan lain-lain).

Keterangan mengenai entri kamus juga diperjelas oleh Hartmann dan James (1998) sebagai “*...A wide range of formats (MICROSTRUCTURE) is possible. In the DICTIONARY, DEPENDING on its content and purpose...*”

ii. Metabahasa/Metaleksikografi

Menurut KBMN (2011:1779) bahawa **metabahasa** /métabahasa/ *Ling* bahasa atau sistem (perangkat) lambang yang digunakan untuk menjelaskan atau menghuraikan sesuatu bahasa, misalnya ayat. Dalam konteks leksikografi metabahasa ialah terminologi atau istilah yang digunakan dalam pemerian atau menghuraikan entri kamus, contohnya lema dan sublema. Begitu juga elemen-elemen seperti tanda baca; simbol seperti simbol sebutan (fonemik, fonetik, dsb); tanda anak panah; singkatan atau kependekan (seperti *dll, dsb, krn, yg, Ling, dan Geo*) juga merupakan kategori

metabahasa dalam leksikografi. Selain itu, sebarang perubahan di luar medan leksikografi, tetapi diterapkan dalam penyusunan kamus, contohnya tanda (*) juga dikategorikan sebagai metabahasa. Sehubungan dengan konteks leksikografi ini, Hartmann, R.R.K dan James (1998) menjelaskan bahawa “*In lexicography, metalanguage includes such conventions as grammatical codes, labelling of usage and the formulation of definitions*”.

iii. Parataksis

Perkataan ‘parataksis’ (*parataxis*) bersumberkan bahasa Greek yang bermaksud “para” (*equal*) dan taxis (*arrangement*), iaitu setara. (ORIGIN mid 19th cent.: from Greek *parataxis*, from *para-‘beside’* + *taxis ‘arrangement’* (from *tassein ‘arrange’*). *New Oxford 2.0.2 (51.4) Copyright 2005-2007*). Menurut Harimurti Kridalaksana (2011) bahawa parataksis (*parataxis*) ialah 1. Hubungan antara dua kalimat, klausa, frasa, atau lebih yang mempunyai tataran yang sama; koordinasi antara klausa-klausa...; 2 gabungan kalimat dengan kalimat, klausa dengan klausa, frasa dengan frasa atau dengan kata, tanpa penghubung. Menurut Halliday (2014) *Parataxis is the linking of elements of equal status...Both the initiating and the continuing elements are free, in the sense that each could stand as a functioning whole. In principle, the paratactic relation is logically (i) symmetrical and (ii) transitive*. Bersandarkan pendapat-pendapat di atas, dirumuskan bahawa parataksis ialah hubungan atau urutan frasa atau klausa atau ayat yang bersifat setara, sama ada ditandai dengan kata hubung setara atau tanpa kata hubung setara; cara melekatkan frasa-frasa itu satu sama lain dalam satu urutan (Asmah 2009).

iv. Aposisi Ling ungkapan yg berfungsi menambah keterangan atau penjelasan pada ungkapan sebelumnya dalam ayat (kalimat) yang bersangkutan. (KBMN 2011); Menurut KD4 (2005) aposisi ialah (Lin) kata atau frasa yang menjelaskan kata atau frasa yang mendahuluinya, Sehubungan dengan perkara ini, tanda koma [,] atau tanda pisah [-] disepakati sebagai tanda pengapit aposisi (Gaya Dewan Edisi Ketiga 2005; *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia 1987; Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu 2009*).

KAJIAN LEPAS DAN KAJIAN INI

Terdapat beberapa buku, makalah (kajian lepas) yang menghasilkan kritikan kamus Melayu, kajian-kajian mereka walaupun membincangkan masalah leksikografi (khususnya struktur mikro kamus), tetapi fokus perbincangan mereka jelas berbeza dengan kajian ini yang memfokuskan masalah parataksis dalam leksikografi Melayu. Antara kajian lepas ialah *Metabahasa dan Pengungkapan definisi dalam kamus Melayu* (Nor Azizah Abu Bakar 2000); *Prinsip dan kaedah Pemerian Makna dalam Kamus Ekabahasa* (Ibrahim Ahmad 2001) dan *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali* (Ibrahim Ahmad 2005). Kedua-dua penulis di atas memfokuskan kajian mengenai permasalahan dalam perkamusan Melayu. Makalah Nor Azizah mengupas definisi metabahasa yang terdapat dalam kamus dan buku leksikografi. Perkara ini dibincangkan kerana penulis mendapati ianya tidak dibincangkan dengan baik dalam leksikografi dan buku yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun Nor Azizah tidak menyentuh mengenai penerapan parataksis walaupun parataksis merupakan antara metabahasa bagi sesebuah kamus. Begitu juga dengan Ibrahim, beliau hanya mendedahkan prinsip dan kaedah pemerian makna tetapi beliau tidak mengkaji penerapan parataksis dalam kaedah-kaedah yang dijelaskan.

Selain kajian lepas yang disebutkan, terdapat juga kajian *Gaya Hitotaksis dan Parataksis Dalam Kerangka Nahu Fungsian-Sistemik* yang dilakukan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2013), yang memfokuskan parataksis dalam naratif bahasa Melayu bersumberkan buku *Sungai Mengalir Lesu*. Walaupun kajian beliau sangat membantu dalam penelitian ini, tetapi kajian beliau tidak memfokus hal-hal parataksis dalam bidang leksikografi.

Sehubungan dengan kajian lepas yang dinyatakan, kajian ini merupakan lanjutan kepada kajian-kajian lepas kerana kajian lepas yang dinyatakan tidak menyentuh mengenai aspek parataksis dalam leksikografi Melayu.

METODOLOGI

Penelitian ini merupakan kritikan kamus yang dilakukan melalui metode deskriptif kualitatif, dengan tujuan memberi penjelasan dalam penelitian secara apa adanya. Penelitian ini mencerahkan unsur-unsur konstruksi parataksis yang diterapkan dalam leksikografi Melayu melalui tiga tahap;

pertama, pengumpulan data (pemilihan kamus); kedua, analisis data; dan ketiga, penyajian analisis data. Oleh sebab pemerian makna dalam sesebuah kamus bersifat tipikal berdasarkan konvensi penyusun, maka makalah ini hanya memberikan beberapa contoh entri sebagai entri yang mewakili (percontoh) kepada permasalahan kajian. Entri-entri pilihan dianalisis berpatokan gagasan para sarjana linguistik dan pengamal leksikografi.

PENGANALISISAN DATA DAN PEMBAHASAN

Seperti yang dinyatakan bahawa permasalahan kajian ialah mencerahkan praktik ‘parataksis’ dalam pemerian takrif (maklumat struktur mikro kamus). Menurut (Ibrahim 2015) bahawa struktur mikro kamus menyediakan maklumat lengkap tentang kata entri dengan komen bentuk (antaranya morfologi) dan komen makna (prosedur penyusunan definisi). Ibrahim (2005) juga mencatatkan bahawa kaedah definisi yang dikemukakan oleh para peneliti kamus (kaedah sinonim, kaedah referensial, kaedah analitik, kaedah parafrasa, kaedah hibrid, kaedah antroposentrik, kaedah *folk definition*, dan sebagainya).

Sehubungan dengan itu, dapatan penelitian ini membuktikan bahawa pendefinisian makna dalam KBMN, KD4, KBMB, dan KBBMU menerapkan beberapa kaedah, iaitu *pertama*, kaedah parafrasa. Menurut A. Hamid Lubis (1988), parafrasa ialah rumusan informasi yang sama dengan bentuk lain. Dalam konteks leksikografi, parafrasa merupakan klausa atau ayat yang diolah sebagai ayat yang mengandungi maklumat inti sari makna. *Kedua*, kaedah sinonim, iaitu makna kata entri dijelaskan menggunakan perkataan atau frasa yang sama erti atau hampir sama (Fadilah Jasmani 1994; Ibrahim 2005). *Ketiga*, kaedah hybrid, iaitu pentakrifan secara huraian dan diikuti oleh sinonim (jika ada) (Ibrahim 2005). Lebih jelas lagi, konvensi penstrukturan definisi dalam sesebuah kamus ialah lebih termampat dan berungkapan tetap metabahasanya dan bersifat *eliptikal*. Struktur definisi terbahagi kepada dua bahagian, iaitu genus (kata yang tergolong dalam set leksikal) dan ciri pembeza (komponen semantik) entri dalam set leksikal yang dianggotainya. Dalam hal ini, dapatan penelitian membuktikan kaedah gabungan parafrasa berperanan memampatkan maklumat melalui penerapan gaya parataksis dalam pemerincian

maklumat makna dan penstrukturan penataan morfologi sesuatu entri.

PERSEBARAN PARATAKSIS DALAM STRUKTUR MIKRO KAMUS

Dapatan penelitian membuktikan bahawa persebaran praktik unsur parataksis dalam penstrukturan struktur mikro kamus, iaitu dalam penstrukturan makna polisemi; dalam penstrukturan sinonim; dalam penstrukturan antara contoh penggunaan kata; dan dalam penstrukturan morfologi. Bagi memudahkan kefahaman dalam perbincangan ini, garis ganda berwarna biru (||) digunakan bagi menerangkan penstrukturan polisemi. Garis ganda berwarna jingga (||) ialah sebagai penanda makna sinonim. Garis ganda berwarna ungu (||) pula merupakan penanda jaringan antara contoh penggunaan kata:

PERSEBARAN GAYA PARATAKSIS DALAM PENSTRUKTURAN POLISEMI

Persebaran gaya parataksis dalam leksikografi Melayu aspek di atas dibincangkan berdasarkan contoh entri, **sisir**, **busung**, **junyak**, **sewa**, dan entri **parah**.

'**sisir** 1 alat utk merapikan atau mengatur rambut yg dibuat drpd tanduk, plastik, atau logam, bergerigi nipis dan rapat; sikat; || 2 alat utk menggemburkan, menggaruk, dan membersihkan tanah; garu; sikat; || 3 a penjodoh bilangan (kata penggolong) bagi benda yg terikat bentuknya (spt pisang dan sirih); || b gugus pisang (bahagian drpd tandan); sikat; || 4 a sikat pd alat tenun; suri; || b Br bahagian drpd alat pertenunan yg dibuat drpd sabut kelapa, tanduk kerbau, dsb; || 5 injap pd pintu lukah (bubu dsb) utk menahan ikan supaya tidak dapat keluar lagi; 6 I Lyr cok; || 7 Br alat perhiasan kepala spt sikat pd pengantin perempuan yg bersalut emas dan dihiasi dgn bunga melur yg kembang dsb;... (KBMN, 2011: 2564)

sisir 1. alat utk mengemaskan rambut, sikat; || 2. alat utk menggemburkan dan membersihkan

tanah, pencakar, penggaruk, sikat; || 3. tangkai atau gugus pisang (sebahagian drpd tandan), sikat; || 4. sikat pd alat tenun, suri; || 5. injap (pd pintu lukah, bubu, dll) utk menahan ikan keluar; ~ insang bahagian insang ikan yg berupa spt sikat (utk menyekat air, kumin-kumin makanan drpd terkeluar)... (KD4, 2005: 442).

busung 1 gosong, timbunan pasir di kuala sungai, beting. || 2 gembung perut (kerana penyakit), bengkak besar kerana penyakit. || 3 → alangan; (KBBMU, 302:485);

junyak; **berjunyak** 1 bertumpu dgn kaki pd; berjejak di: ia ~ arah batu supaya batisnya inda kamah; || 2 dipijak-pijak; diinjak-injak: karang ani pengusaha ambulung udah memakai misin, inda lagi ~;... (KBMB, 2007:137).

Perbincangan pertama merujuk kepada makna *struktur polisemi* (||) dalam entri '**sisir**' (polisemi 1...;2...;3...;4...;5...;6...;7); *struktur polisemi* (1...2...3) pada entri '**busung**'; *struktur polisemi* (1...;2...); dan *struktur polisemi* pada entri '**junyak**'. Struktur polisemi tersebut terdiri daripada bentuk kata, frasa, klausa yang dikaitkan dengan pelbagai makna yang berbeza-beza, tetapi masih bertalian (makna harafiah, makna kiasan, dan sebagainya). Hasil penelitian membuktikan setiap struktur polisemi ini bersifat bebas dan *setara daripada segi kegramatisan dan semantik masing-masing dapat berdiri sendiri sebagai klausa bebas*. Menurut Halliday (2004), *parataxis is the linking of element of equal status...both the initiating and the continuing element are free, in the sense that each could stand as a functioning whole*. Beranalogikan pendapat ini juga, dapat dinilai bahawa setiap makna struktur polisemi dalam contoh di atas sebagai polisemi 1... memulakan (*initiating*) jaringan dan polisemi 2...;...;3...;4...; merupakan makna lanjut (peluasan makna) yang mandiri dan berfungsi daripada segi semantik dan gramatis. Berdasarkan Jadual Halliday (2014), struktur parataksis ialah 1→2→3→4... Jadual Halliday juga menjelaskan bahawa struktur parataksis itu adalah seperti yang berikut:

Jadual klausa utama dan kedua

	Primary	Secondary
Parataxis	1 initiating	2 (continuing)

PERSEBARAN PRAKTIK PARATAKSIS
DALAM PENSTRUKTURAN MAKNASINONIM

Penelitian seterusnya ialah mengenai penstrukturan sinonim melalui percontoh yang berikut:

serai tumbuhan rimbun seakan-akan lalang yg berumpun padat serta berbau harum dan pangkal batangnya yg agak gemuk berisi dapat dibuat ramuan ubat-ubatan, penyedap dlm masakan, dsb, || *Cymbopogon citratus*; ...

...~ **sayur** serai yg daun dan batangnya berbau harum (batangnya digunakan sbg penyedap masakan dsb), || *Cymbopogon citratus*; ~ **wangi** serai yg rumpunnya lebih rimbun dan lebih wangi drpd serai sayur, || *Cymbopogon nardus*. (KBMN, 2011: 2494)

serai 1. = ~ betul = ~ makan = ~ sayur sj tumbuhan (rumput yg daunnya berbau harum), || *Cymbopogon citratus*; **2.** = ~ wangi sj tumbuhan (rumput yg lebih rimbun dan wangi drpd serai betul), || *Cymbopogon nardus*; ~ kayu sj tumbuhan (pokok yg daunnya dibuat perencah masakan), || jambu hutan, || kelat merah, || kelar putih, || kelat samak, || pokok palung, || samak, || *Eugenia polyantha*; ~ kemangi ki kerabat yg jauh (KD4, 2005:1463).

serai wangi serai yang harum baunya, narwastu, wakar wangi. (KBBMU, 2002:1715).

salangan sj tumbuhan (pokok kecil atau sederhana besarnya) yg termasuk dlm famili Dipterocarpaceae, batangnya berdahan rendah dan mempunyai banir, kulitnya licin, dan kayunya utk perkakas rumah dsb; || *Hopea* sp.; ~ **batu** sj tumbuhan (pokok besar) dan batangnya berbanir besar, isi kayunya sangat keras dan sesuai digunakan utk tiang, gelegar rumah, dsb [;] || *Shorea* sp.; ... (KBMB, 2007: 278)

Perbincangan Aspek Sinonim: Sejarah perkamusan Melayu membuktikan bahawa pemerian makna dalam kamus-kamus Melayu bermula dengan kaedah sinonim. Melalui perkembangan bidang leksikografi,

kaedah ini dikesan menyumbang kepada masalah kelingkaran makna, walau bagaimanapun penerapan kaedah ini (makna sinonim) dikekalkan sebagai *makna pilihan* yang diletakkan selepas huraian makna (parafrasa makna). Seperti penstrukturan polisemi, penstrukturan sinonim juga dikesan bersifat parataksis (lihat unsur-unsur yang ditandai dengan garis ganda || **pada percontoh entri flaura dan fauna** di atas, iaitu **serai**, **serai wangi**, dan **salangan**). Pada contoh tersebut terdapat padanan kata bersumberkan bahasa Melayu dan juga nama saintifik (nama Spesies). Oleh itu, dengan beranalogikan gagasan Halliday, iaitu *In principle, the paratatic relation is logically (i) symmetrical and (ii) transitive*, maka sinonim (padanan kata) kepada huraian makna, contohnya *Cymbopogon citratus* ialah sinonim bagi entri **serai** (KBMN, 2011: 2494); narwastu, wakar wangi ialah sinonim bagi entri **seri wangi** (KBBMU, 2002:1715), dan sinonim bagi entri **salangan** ialah nama saintifik, iaitu *Hopea* sp... dikesan bersifat bebas (transitif) dan tidak bergantung kepada huraian yang sebelumnya (parataksis).

PERSEBARAN PRAKTIK PARATAKSIS
DALAM PENSTRUKTURAN: CONTOH
PENGUNAAN KATA

Seiring dengan perkara di atas, kajian ini juga meneliti jaringan di antara contoh penggunaan kata dalam leksikografi Melayu (lihat *unsur yang ditandai dengan garis ganda || serta bercetak miring*). Landau (2001) berpendapat bahawa pentingnya ayat contoh kerana *illustrative quotations can convey a great deal of information about collocation, variety of usage, ... connotation, grammatical context, and of course designative meaning*. Percontoh jaringan contoh-contoh penggunaan kata bagi perbincangan ini ialah entri “**sewa**” dan entri “**parah**”, seperti paparan yang berikut:


sewa /séwa/ **1** penggunaan (peminjaman, pemakaian, dsb) sesuatu dgn membayar wang pd kadar tertentu: *penjualan tidak membatalkan* ~ [;] || *segala yg bersabit dgn tanah itu spt*

jual beli, gadai-menggadai, atau ~ mestilah didaftarkan; 2 sejumlah wang yg dibayarkan krn menggunakan sesuatu (kenderaan, rumah, tanah, dsb): ~ *rumah di bandar besar semakin mahal sekarang ini* ; || *dia tidak mampu lagi membayar ~ bilik hotelnya*; ...3 boleh digunakan (spt rumah, kenderaan, atau tanah) dgn membayar sejumlah wang yg ditetapkan: *kereta ~* ; || *rumah ~* ; *tanah ~*;..(KBMN, 2011:2521)

parah 1. teruk atau berat sangat (luka, penyakit): *mereka cedera ~* ; *penyakit lemah jantungnya bertambah ~* ; **2.** susah, sukar, teruk (keadaan dll): *penghidupannya sudah ~* ; || *rumah kita ini sudah ~ benar* ; || *Ramli betul-*

betul sudah ~ mengikuti permainan kami ; || *pd hari pengumuman keputusan perbicaraan dan hari-hari seterusnya perangai ibunya semakin ~*;...

Dalam leksikografi, contoh-contoh penggunaan kata berfungsi *menambah bagi menggambarkan makna polisemi* (pecahan makna) yang didukungnya. Logiknya, contoh penggunaan kata merupakan klausa yang mempunyai maklumat baru dan berfungsi memantapkan takrif yang didukungnya. Dengan yang demikian, setiap contoh pada huraian makna atau pada pecahan makna (polisemi) itu dinilai sebagai bentuk bebas (transitif). Yang berikut dipetakan jaringan contoh penggunaan kata tersebut mengikut urutannya dalam entri kamus yang dikaji:



RAJAH 3. Pola Contoh Penggunaan Kata

Berdasarkan Rajah 3, iaitu contoh penggunaan kata pada polisemi 1...;2...;3... bagi entri “**sewa**” dan pada polisemi 1...;2...;..bagi entri “**parah**” membuktikan bahawa pengadaaan contoh penggunaan kata pada setiap polisemi merupakan konteks pendukung kolokasi makna yang bersifat mandiri. Perlu dinyatakan bahawa konvensi dalam leksikografi Melayu menyajikan dua contoh penggunaan kata yang berupa ayat atau klausa yang dihubungkan dengan tanda baca koma bertitik (;) (seperti yang dipetakan di atas). Dalam sistem bahasa Melayu, koma bertitik berfungsi menyambung ayat atau klausa setara yang tidak menggunakan kata hubung (*dan, tetapi, dan sebagainya*) (Nik Safiah Karim 2003); koma bertitik digunakan sebagai pemisah ayat-ayat yang sejenis atau setara (DBP 2010). Dengan yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa penstrukturan contoh penggunaan kata dalam leksikografi Melayu juga mempraktik gaya parataksis.

Jaringan Parataksis dalam Struktur Morfologi

Merujuk kembali struktur mikro kamus (lihat Rajah 2.1 dan Rajah 2.2) bahawa sesebuah kamus bukan sahaja mendokumentasikan dan menghuraikan bentuk-bentuk kata dasar, bahkan membuktikan autoritatifnya dengan mengkodifikasikan bentuk-bentuk morfologi, iaitu ‘...cabang linguistik yang berkaitan dengan morfem dan gabungan-gabungannya dalam pembentukan kata sesuatu bahasa’ (KBMN 2001). Dalam hal ini, bentuk-bentuk morfologi, iaitu frasa, peribahasa, dan derivasi, yakni proses mengimbuhkan afiks yang tidak bersifat infleksi pada bentuk dasar untuk membentuk kata;... (KBMN 2011) dikesan sebagai elemen yang bersifat parataksis. Sehubungan dengan itu, persebaran unsur parataksis dalam struktur morfologi dibuktikan berdasarkan percontoh entri, iaitu entri “**bubut**”; entri “**pohon**”; entri “**kembar**” [dalam konteks kajian ini struktur morfologi ditandai dengan garis ganda berwarna hijau (||)]:

bubut; berbubut berlari utk mendapatkan seseorang atau sesuatu...; ||

~ **masa** berasa singkat (ttg masa)...; ||

berbubut-bubutan berkejar-kejaran...;||

membubut mengejar; ||

~ **masa ki** berusaha melakukan sesuatu secepat-cepatnya agar tidak melebihi batas waktu yg telah ditetapkan; mengejar waktu; ||

terbubut 1 terkejar...; || **2** menyamai

(pertumbuhan badan, kemajuan pelajaran, dll seseorang...;...||

pembubut orang yg membubut. (KBMB 2007: 63)

’pohon 1 ...; 2 ...; 3 ...; ||

ada angin ada ~nya prb segala perkara atau hal itu ada sebab-sebabnya (asal mulanya); || *bagaimana ~ tiada akan tumbang dipanah halilintar; baluhan kulit ada di batangnya prb* orang yg bersahabat dgn orang jahat, akhirnya akan terlibat juga dlm kejahatan; || *spt ~ beringin ditiup angin prb* menentang kekerasan orang tanpa berlemah lembut; ||

~ **angin** awan (mendung) yg bergumpal-gumpal di kaki langit menandakan angin ribut akan turun; pokok angin; || ~ **bahasa** sendi atau dasar-dasar bahasa; || ~ **bokor** *I* melati jepang; ~ **bronkus** *I Anat* percabangan bronkus menjadi cabang yg lebih kecil atau ranting pd paru-paru; || ~ **buah** pokok atau pohon yg mengeluarkan buah-buahan; ~ **buah-buahan** pohon buah; || ~ **kayu** batang kayu; pokok kayu; || ~ **keben** *I* pohon yg berasal dr Asia Tenggara yg termasuk dlm famili Hecythidaceae, biasanya tumbuh di sepanjang pantai yg berpasir dan berbatu, bunganya spt sikat berwarna putih dan bertangkai panjang, buahnya apabila diperas akan mengeluarkan minyak berwarna merah yg digunakan sbg bahan bakar krn mengandungi minyak atau lemak dgn kadar 3%; || ~ **mata** sudut mata sebelah dlm yg hampir dgn hidung; || ~ **perdamaian** *I* pohon keben yg ditanam sbg lambang perdamaian; ~ **rawa** sj pohon besar yg tumbuh di hutan; rawa, *Diacontomelum mangiferum*; ||

~ **sabut** pokok besar yg kayunya dapat digunakan sbg bahan bangunan, *Nauclea purpurascens*; || ~ **silsilah I 1** daftar asal usul keluarga yg disusun dlm bentuk pohon; **2** susur galur (keturunan); salasilah keluarga; ~ **tanjung** sj tumbuhan (pokok), *Manilkara kauki*; || ~ **telinga** pangkal telinga; || ~ **upas** pohon yg memiliki getah yg sangat beracun, *Antiaris toxicaria*; ||

pohon-pohon *BM* banyak pohon; ||

pohonan berbagai-bagai pohon; ||

pohon-pohonan kelompok berbagai-bagai jenis pohon kayu-kayuan; ||

pepohon pohon-pohon; ||

pepohonan pohon-pohonan. (KBMN 2011: 2116)

kembar 1 ...; **2** ...; **3** ...; **4** ...; ||

berkembar 1 bergabung (berangkai dll) menjadi sepasang, berpasangan, bersaing; **2** sama rupanya atau keadaannya, seragam (pakaian dll); ||


mengembari 1 menandingi (bertanding dgn), melawan, menentang:...; **2** menyamai, menandingi:...; **3** menjadikan pasangan bagi, memberi berpasangan (dgn): ...; **4** sl/ mengiringi, menemani, menyertai, membantu, menolong; ||

mengembarkan menjadikan berkembar

(berpasangan dll), mengapitkan; ||...; ||

kembaran satu drpd dua (atau lebih) yg kembar, pasangan (yg erat)...(KD4, 2005:730)


Percontoh morfologi dalam leksikografi Melayu yang dipaparkan di atas jelas bersifat parataksis. Hal ini kerana berdasarkan unsur-unsur dalam proses morfologi tersebut mempunyai makna yang tersendiri (makna nahuan atau makna leksikal, atau kedua-duanya sekali). Sementara itu, persebaran unsur parataksis berfungsi sebagai pemisah jaringan morfologi (peribahasa, frasa dan derivasi) dipetakan seperti yang berikut:



RAJAH 4. Jaringan Peribahasa dan Frasa

Merujuk kepada Rajah 4, iaitu pola jaringan peribahasa dan pola jaringan frasa yang diperlihatkan di atas ditata berdasarkan kolokasi entri, iaitu (perilaku semantik dan pragmatik suatu kata). Kolokasi peribahasa dan frasa membuktikan praktik unsur

parataksis, iaitu setiap peribahasa dan frasa yang didokumentasikan bersifat setara (bersifat semantik dan gramatis). Kedua-dua unsur ini dihubungkan dengan tanda baca koma bertitik (;) sebagai isyarat bahawa maklumat ini bersifat parataksis.



RAJAH 5. Jaringan Derivasi Entri Bubut, Entri Kembar, dan Pohon

Rajah 5 memperlihatkan pola jaringan derivasi entri "**bubut**", entri "**pohon**", dan entri "**kembar**". Lazimnya, dalam leksikografi derivasi ditata berdasarkan kesan semantik yang berfungsi membentuk kata dan mengolah kelas kata (Ibrahim 2002). Sifat parataksis penstrukturan morfologi

dalam leksikografi Melayu menjelaskan bahawa *tidak ada kekaburan makna derivasi yang berkonotasi hasil dengan yang berkonotasi proses*. Begitu juga derivasi yang mendukung *konotasi kata transitif dengan yang tak transitif*. Selanjutnya struktur jaringan derivasi entri-entri yang dipaparkan

menggunakan koma bertitik (;) sebagai pemisah antara derivasi sekali gus mendukung statusnya sebagai unsur parataksis dalam leksikografi Melayu.

Persebaran Unsur Parataksis dalam Komen Semantik

Unsur parataksis juga dikesan dalam komen semantik (komen makna) yang berfungsi sebagai perincian entri, iaitu berdasarkan kehadiran aposisi (unsur ini dipisahkan dengan tanda baca (,)... (,)), iaitu ungkapan yang berfungsi menambah keterangan atau penjelasan pada ungkapan sebelumnya dalam ayat yang berkaitan (KBMN 2011): Antaranya, percontoh entri tersebut dipaparkan seperti yang berikut:

konferensi /konferénsi/ pertemuan formal utk berbincang, || berunding, bertukar-tukar pendapat, maklumat, dsb ttg sesuatu perkara atau masalah, || terutamanya di kalangan pihak-pihak yg mempunyai minat dan kepentingan bersama; persidangan; muktamar; permusyawaratan (KBMN:1398)

pandu uji

perihal atau memandu sesebuah kenderaan bermotor (kereta, motorsikal dsb) seketika, || terutamanya oleh pembeli, || utk menguji atau menilai apa-apa kelebihan atau kelemahannya: semua bakal pembeli diberi peluang melakukannya ~ kereta model terbaharu itu. (KD, 2005: 1128)

sangkap senjata (spt tombak) yg matanya bercabang dua atau tiga, ||digunakan utk menikam (menabak) ikan dsb, || jenis-jenisnya spt *sangkap* dundang dan *sangkap* susuk;... (KBMB, 2007: 284)

Merujuk kepada kewujudan aposisi sebagai maklumat komen semantik bagi entri “**konferensi**”, “**pandu uji**”, dan entri “**sangkap**” maklumat aposisi ditandai dengan kehadiran koma (,) yang berfungsi mengapit maklumat tambahan. Dalam konteks parataksis maklumat tambahan ini boleh digugurkan dengan tidak menjejaskan struktur klausa atau ayat (klausa tersebut kekal berfungsi sebagai sebuah klausa atau ayat yang gramatis), seperti paparan yang berikut:

...,berunding, bertukar-tukar pendapat, maklumat, dsb ttg sesuatu perkara atau masalah,...

konferensi /konferénsi/ pertemuan formal utk berbincang, ...terutamanya dlm kalangan pihak-pihak yg mempunyai minat dan kepentingan bersama; persidangan; muktamar; permusyawaratan.

...,terutamanya oleh pembeli,...

pandu uji

perihal atau memandu sesebuah kenderaan bermotor (kereta, motorsikal dsb) seketika, ... utk menguji atau menilai apa-apa kelebihan atau kelemahannya: semua bakal pembeli diberi peluang melakukannya ~ kereta model terbaharu itu. (KD, 2005: 1128)

...,digunakan utk menikam (menabak) ikan dsb,

sangkap senjata (spt tombak) yg matanya bercabang dua atau tiga, ... jenis-jenisnya spt *sangkap* dundang dan *sangkap* susuk;... (KBMB, 2007: 284)

Merujuk kepada percontoh aposisi yang merupakan maklumat tambahan dan merujuk kepada klausa sebelumnya (lihat kotak merah, iaitu unsur-unsur yang digugurkan) dalam entri “**konferensi**”, “**pandu uji**”, dan entri “**sangkap**” dikesan mengekalkan kesetaraannya tanpa menjejaskan semantik dan tetap gramatis. Menurut Mohammad Fadzeli (2013) bahawa struktur parataktik, klausa perinciannya ditandai oleh gejala aposisi, walau bagaimanapun dalam konteks ini dikesan juga ketidakkonsistenan unsur dalam aposisi (ungkapan yang berfungsi menambah keterangan atau penjelasan pada ungkapan sebelumnya dalam ayat yang berkaitan) kerana ada yang bersifat sinonim (lihat **konferensi**).

KETIDAKSELARASAN TANDA BACA PENANDA PRAKTIK PARATAKSIS

Berdasarkan percontoh yang dipaparkan dan dibincangkan di atas membuktikan bahawa penstrukturan dan perincian makna dalam leksikografi Melayu yang dikesan mempraktikkan

gaya parataksis sebagai padanan makna, memperluas, dan memperincikan makna. Walau bagaimanapun dikesan ketidakselarasan praktik tanda baca sebagai penanda parataksis, iaitu ada yang ditandai dengan

koma bertitik (;) dan ada pula tanda koma (,), dan yang ditandai dengan titik (.). Yang berikut dipaparkan ketidakkonsistenan pada keseluruhan unsur parataksis yang dibincangkan di atas:

Tanda Baca	STRUKTUR MAKNA	POLISEMI	SINONIM BAHASA MELAYU	SINONIM NAMA SAINTIFIK	MORFOLOGI
Koma Bertitik		KBMN KD4 KBMB	KBMN	KBMB	KBMN KBMB KD4 KBUBM
Koma		-	KD4 KBUBM KBMN	KD4 KBMN	-
Titik		KBUBM	-	-	-

Berdasarkan paparan di atas dihuraikan ketidakselarasan yang dimaksudkan:

Penggunaan tanda baca koma bertitik (;)

Digunakan dengan selaras oleh tiga buah kamus (KBMN, KD4, dan KBMB) sebagai penanda jaringan polisemi, sementara KBUMB menggunakan tanda baca titik (.).

Bagi penanda sinonim wujud variasi penggunaan tanda baca:

KBMN dan KBMB sepakat menggunakan koma bertitik (;) sebagai penanda jaringan sinonim bahasa Melayu, tetapi KD4, KBUMB, dan KBMN menggunakan tanda baca koma (.). Sementara KBMB sahaja menggunakan tanda baca koma bertitik (;) bagi menandakan sinonim yang bersumberkan nama saintifik. Walau bagaimanapun, semua kamus yang dikaji sepakat menggunakan tanda baca koma bertitik (;) sebagai penanda jaringan morfologi.

KESIMPULAN

Pada umumnya, kajian ini mengesan bahawa wujud persebaran parataksis mendominasi struktur mikro perkamusan Melayu, iaitu penstrukturan makna polisemi, penstrukturan sinonim, penstrukturan contoh penggunaan kata, dan penstrukturan morfologi. Di samping itu, persebaran parataksis juga dikesan melalui kewujudan aposisi dalam komen semantik. Seiring dengan penelitian di atas ketidakselarasan praktik tanda baca dikhuatirkan

mengelirukan pengguna.

Demi menjaga keefisienan leksikografi Melayu, kajian ini mencadangkan agar tanda baca koma bertitik digunakan secara konsisten, selaras dengan kaedah dalam pedoman sistem bahasa Melayu. Metode ini (penerapan tanda baca (;) sebagai unsur pemisah parataksis) dapat dianalogi daripada kesepakatan para sarjana bahawa fungsi tanda baca ini (;) adalah untuk menghubungkan dua ayat setara yang tidak menggunakan kata hubung; memisahkan klausa-klausa yang terdapat dalam sesuatu ayat; memisahkan klausa yang bersiri, yang berlainan kategori. (Gaya Dewan 2005; Nik Safiah Karim 2003; DBP 2010).

RUJUKAN

- A. Hamid Hasan Lubis. 1988. *Glosarium Bahasa dan Sastra*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2004. *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Ssas Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distribution SDN BHD.
- Fadilah Jasmani, 1994. *Kategori Maklumat Kamus*. Kertas Kerja Seminar Perkamusan Melayu. Kuala Lumpur, 20—21 Disember 1994.
- Gaya Dewan Edisi Ketiga*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday, M.A.K., 2004. *An Introduction to Functional Grammar* (fourth edition). London: Routledge.
- Hartmann, R. 1998. *Dictionary of Lexicography*. London and New York, Routledge.
- _____. 2001. *Teaching and researching lexicography*. New York: Pearson Education Limited.

- _____. 2005. *Perkamusan Melayu Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. 2001. Prinsip dan Kaedah Pemerian Makna dalam Kamus Ekabahasa. *Jurnal Bahasa*. 3-4 Julai-Disember: 78-88.
- Ibrahim Ahmad. 2002. *Perkamusan Melayu: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2015. *Asas Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei*. 2007. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. 2003. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kridalaksana. 2011. *Kamus Linguistik* Edisi Keempat. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Landau, S. 2001. 2nd Edition. *The Art and Craft of Lexicography*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2013. *Teori Sistemik-Fungsional dalam Stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newell, I.E. 1995. *Handbook on Lexicography for Philippine and Other Languages*. Manila: Linguistic Society of the Philippines.
- New Oxford American Dictionary Version 2.0.2* (51.4) Copyright. (2005-2007).
- Nik Safiah Karim. 2003. *Bimbingan Bahasa Kita Jilid 1*. Selangor Darul Ehsan: K Publishing Sdn. Bhd.
- Nor Azizah Abu Bakar, 2000. *Metabahasa dan Pengungkapan definisi dalam Kamus Melayu*. Dewan Bahasa Jilid 44:8, 863-875.
- Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu*. 2009. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*. 1987. Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Svensen, Bo, 2009. *A Handbook of Lexicography*. Cambridge.

Norati Binti Bakar
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Pembangunan Lapangan Terbang Lama Berakas
BB3510
Negara Brunei Darussalam
E-mel: noratibakar@yahoo.com.sg

Diserahkan: 7 Januari 2017

Diterima: 25 April 2017